

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia, produk berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat, Menu Rakyat 1Malaysia dan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia telah berjaya meringankan kos sara hidup rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam meringankan kos sara hidup rakyat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian-kementerian berkaitan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan ini telah banyak membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dalam menampung kenaikan kos sara hidup.

Kedai Rakyat 1 Malaysia atau **KR1M** merupakan alternatif kepada masyarakat untuk memperolehi barangan keperluan asas pada harga yang lebih rendah. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak **131 buah kedai** telah beroperasi di seluruh negara. KR1M menawarkan sebanyak **378 produk berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** pada kadar harga yang lebih rendah **sehingga 50 peratus** berbanding barangan sama yang berjenama.

Menu Rakyat 1 Malaysia atau **MR1M** merupakan inisiatif bagi membolehkan masyarakat memperolehi makanan pada harga rendah. Program ini dilaksana dengan kerjasama pengusaha-pengusaha premis makanan seperti kantin, restoran, gerai dan kafeteria termasuklah di Institusi Pengajian Tinggi dan hospital Kerajaan. MR1M menawarkan pakej **sarapan pagi sebanyak RM2.00** dan **RM4.00 bagi makan tengahari**. Bagi negeri **Sabah dan Sarawak**, harga yang ditetapkan adalah sebanyak **RM2.50 bagi sarapan pagi** dan **RM5 bagi makan tengahari**. Sehingga 29 Mei 2014, sejumlah **4,517 premis** makanan telah menyertai MR1M.

Kedai Kain Rakyat 1Malaysia atau **KKR1M** yang menjual sebanyak **219 jenis pakaian dan tekstil** pada **harga 10% hingga 70% lebih murah** daripada barangan yang sama kualiti. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak **23 buah KKR1M** telah beroperasi di seluruh negara.

Kesemua inisiatif di atas adalah bertujuan untuk memberikan alternatif atau pilihan kepada pengguna yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk turut menikmati barangan yang sama jenis pada harga yang lebih berpatutan dan mampu milik.